A

AMRAN AHMAD

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
AHMAD MAAROP H
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-14-2002 &
42-14A-2002]
21 SEPTEMBER 2005

C

PROSEDUR JENAYAH: *Beban pembuktian - Pendakwa perlu membuktikan elemen-elemen kesalahan 'beyond reasonable doubt' - Kesalahan yang dilakukan sebelum 31 Januari 1997*

D

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesalahan rogol statutori - Sama ada pendakwa perlu membuktikan unsur-unsur paksaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Rogol - Sama ada pertuduhan mesti mengandungi butir-butir tarikh dan tempat kesalahan - Pertuduhan mesti memberi notis kepada tertuduh tentang kesalahan yang didakwa -*

E

Sama ada kegagalan menyatakan dengan tepat tarikh kejadian rogol boleh diubati

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rogol - Prinsip-prinsip am hukuman - Mahkamah mesti mengambil notis kehakiman mengenai*

F

kekerapan berlakunya kesalahan rogol

UNDANG-UNDANG KETERANGAN: *Beban pembuktian - Beban pendakwaan - Rogol - Sama ada air mani perayu mesti ditemui di tempat kejadian - Sama ada pemeriksaan mesti dilakukan ke atas tilam*

G

berkenaan - Sama ada ujian potency mesti dilakukan

UNDANG-UNDANG KETERANGAN: *Menyokong keterangan - Saksi kanak-kanak mangsa rogol*

Perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen dengan satu kesalahan

H

merogol seorang kanak-kanak berumur 9 tahun 11 bulan yang merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. Saksi utama pihak pendakwa ialah SP8, iaitu mangsa rogol dalam kes ini. Ketika memberi keterangan secara bersumpah di mahkamah, SP8 sudah berumur 15 tahun dan

I

sedang belajar di Tingkatan 3. Perbicaraan telah dijalankan oleh dua orang hakim Mahkamah Sesyen. Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara kedua telah memutuskan bahawa pihak

pendakwa telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu kesalahan rogol dan seterusnya memerintahkan perayu membela dirinya bagi pertuduhan tersebut. Di akhir kes, hakim bicara kedua telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu. Perayu telah dikenakan hukuman penjara 15 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh hukuman dan juga hukuman empat kali sebat dengan rotan. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman. Sementara itu Pendakwa Raya telah merayu terhadap hukuman.

Peguam perayu berhujah bahawa hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa suatu kes *'prima facie'* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan dan suatu kes tanpa keraguan munasabah berjaya dibuktikan ke atas perayu/responden di akhir kes pembelaan atas alasan-alasan berikut: (i) tiada sebarang kesan air mani perayu ditemui di mana-mana tempat kejadian dan juga di dalam kemaluan mangsa; (ii) tilam tempat dikatakan berlakunya kejadian rogol tersebut tidak diambil oleh pihak polis untuk dibuat analisa oleh Jabatan Kimia; (iii) terdapat kekeliruan dan percanggahan keterangan berkenaan tempat berlakunya kejadian rogol itu; (iv) tiada sebarang ujian 'potency' dilakukan ke atas perayu untuk menentukan samada beliau berkemampuan untuk melakukan persetubuhan; dan (v) pihak pendakwa tidak menunjukkan bahawa terdapatnya kemasukan (penetration) oleh kemaluan perayu ke dalam kemaluan mangsa (SP8) menyebabkan berlakunya koyakan ke atas selaput dara mangsa. Oleh yang demikian, dihujahkan bahawa pihak pendakwa telah gagal sama sekali untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan dalam kes ini.

Diputuskan:

(1) Oleh kerana kesalahan ini dilakukan sebelum 31 Januari 1997, maka hakim bicara hendaklah berpuashati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes terhadap perayu 'beyond reasonable doubt'. Oleh itu hakim bicara kedua tidak membuat kesilapan dalam penggunaan beban pembuktian di akhir kes pendakwaan. (perenggan 35)

(2) Penemuan air mani perayu di tempat kejadian atau di kemaluan SP8 bukanlah elemen yang mesti dibuktikan untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan. Pihak pendakwa boleh bergantung kepada keterangan lain. (perenggan 24)

(3) Beban yang dipikul oleh pihak pendakwa adalah untuk membuktikan kes terhadap perayu 'beyond reasonable doubt', bukan membuktikan satu kes yang 100% sempurna. Kegagalan mengambil tilam itu dan menghantarnya ke Jabatan Kimia, tidak membawa padah kepada kes pihak pendakwa. Ini adalah kerana pemeriksaan dan analisa ke atas tilam bukanlah perkara yang mesti dibuat di bawah undang-undang untuk membuktikan kes terhadap perayu. (perenggan 25)

(4) Pada tarikh kejadian rogol dilakukan seperti dalam pertuduhan, SP8 berumur jauh lebih kurang dari 16 tahun. Ini bererti perayu telah melakukan kesalahan rogol seperti yang ditakrifkan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan walaupun persetubuhan tersebut dilakukan dengan izin SP8. Jadi, pihak pendakwa tidak perlu membuktikan terdapatnya unsur-unsur paksaan. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa ialah fakta bahawa terdapat kemasukan (penetration) zakar perayu ke dalam kemaluan SP8. (perenggan 23 & 26)

(5) Apabila keterangan SP8 ditimbangkan bersekali dengan keterangan saksi-saksi lain, adalah jelas 'beyond reasonable doubt' bahawa hymen SP8 telah koyak disebabkan oleh kemasukan zakar perayu. (perenggan 27)

(6) Ujian potency bukanlah satu ujian yang mesti dilakukan di dalam setiap penyiasatan kes-kes rogol. Jika ujian itu dilakukan ia akan membantu kes pihak pendakwa. Jika ia tidak dilakukan, ini tidak bererti bahawa seseorang itu tidak berupaya melakukan persetubuhan, jika terdapat keterangan lain yang boleh membuktikan keupayaan orang itu untuk melakukan persetubuhan. (perenggan 33)

(7) Pertuduhan hendaklah mengandungi butir-butir tentang tarikh dan tempat kesalahan didakwa telah dilakukan, yang semunasabahnya mencukupi untuk memberikan notis kepada orang yang dituduh tentang kesalahan yang didakwa telah dilakukan olehnya. Di dalam kes ini SP8 telah memberi keterangan terperinci tentang kejadian rogol kedua yang telah dilakukan terhadapnya oleh perayu. Perayu tahu inilah kesalahan yang diliputi oleh pertuduhan terhadapnya yang mana dia telah didapati bersalah dan disabitkan. Jadi kegagalan pihak pendakwa menyatakan dengan tepat tarikh kejadian rogol kedua itu tidaklah membawa padah kepada kes pihak

pendakwa. Kegagalan tesebut termasuk dalam kesilapan yang boleh diubati di bawah ss. 156 dan 422 Kanun Acara Jenayah. (perenggan 39)

(8) Hukuman yang maksima patut dikenakan bagi kesalahan yang paling buruk dalam kategori kesalahan berkenaan. Kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu adalah amat serius, jijik dan tidak berperikemanusiaan. Mahkamah juga hendaklah mengambil 'judicial notice' tentang kekerapan berlakunya kesalahan rogol dan sumbang mahram di kalangan masyarakat kita di dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini. Hukuman penjara 15 tahun dari tarikh hukuman digantikan dengan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh sabitan. Hukuman empat kali sebat dikekalkan. (perenggan 52 & 54)

Kes-kes yang dirujuk:
Bahruni Ismail v. PP [1997] 3 CLJ 267 FC ***(dirujuk)***
Browne v. Dunn [1993] 5 R 67 ***(dirujuk)***
Chua Beow Huat v. PP [1970] 2 MLJ 29 ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Liew Kaling v. PP [1960] MLJ 306 ***(dirujuk)***
Loh Hock Seng & Anor v. PP [1990] 2 MLJ 121 ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chen v. PP [1981] 1 MLJ 212 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 153(i), 156, 422
Penal Code, ss. 375, 376

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop H:

[1] Amran bin Ahmad (perayu dalam Rayuan Jenayah 42-14-2002) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu dengan satu kesalahan rogol seperti berikut:

> Bahawa kamu pada antara November 1995 jam 2.00 petang hingga 11hb November 1996 jam 6.00 petang di rumah no. 659, Jalan Datok, Chukai, di dalam Daerah Kemaman, di dalam Negeri Terengganu, didapati kamu telah merogol seorang perempuan melayu nama; Noorhayati bte Mamat, No. S/B. H 079961, 9 tahun 11 bulan. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

[2] Pada 29 Julai 2002, di akhir kes, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan rogol seperti dalam pertuduhan yang tersebut di atas dan dikenakan hukuman penjara 15 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh hukuman dan juga hukuman empat kali sebat dengan rotan. Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap sabitan dan hukuman (Rayuan Jenayah 42-14-02). Sementara itu Pendakwa Raya Malaysia telah mengemukakan rayuan terhadap hukuman (Rayuan Jenayah 42-14A-2002). Dalam penghakiman ini Amran bin Ahmad dirujuk sebagai perayu dan Pendakwa Raya dirujuk sebagai penentang.

Latar Belakang Kes

[3] Perbicaraan dalam kes ini telah dijalankan oleh dua orang hakim Mahkamah Sesyen. Dalam penghakiman ini, saya akan merujuk kepada mereka sebagai hakim bicara pertama dan hakim bicara kedua. Perbicaraan dalam kes ini dijalankan mulai 6 Disember 1997 di hadapan hakim bicara pertama yang telah mendengar keterangan 6 saksi-saksi berikut:

1. SP1 (Dr. Mohd Noh Kasim), doktor yang telah menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas mangsa rogol dalam kes ini (SP8) pada 16 November 1996,

2. SP2 (Wahab bin Dollah), Penolong Pengarah Pendaftaran, Jabatan Pendaftaran Terengganu, yang telah memberi keterangan tentang tarikh kelahiran SP8,

3. SP3 (Insp. Ahmad Rizal bin Abdul Aziz), pegawai polis yang telah menangkap perayu,

4. SP4 (Zainun Mohd Nor), yang telah membuat laporan polis dalam kes ini, iaitu Cukai Report 2506/96 (exh. P4),

5. SP5 (Dr. Zamri Abdul Rahim), Ketua Unit dan Pakar Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Kuala Terengganu yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas SP8 pada 18 Disember 1996.

6. SP6 (L/Kpl Mansor Mohd Yusuf), jurugambar polis yang mengambil gambar dalam siasatan polis dalam kes ini.

[4] Apabila hakim bicara pertama bertukar ke Mahkamah Sesyen Kuantan, hakim bicara kedua telah mengambil alih kes ini dan menyambung perbicaraan mulai 16 Ogos 2001. Hakim bicara kedua telah mendengar keterangan tiga orang saksi-saksi seperti berikut:

1. SP7 (Insp. Rohani Zakaria), pegawai penyiasan kes ini,

2. SP8 (Norhayati bte Mamat), mangsa rogol dalam kes ini,

3. SP9 (Rohani bte Mamat), kakak SP8.

[5] Selepas SP9 selesai memberikan keterangannya, pihak pendakwa telah meminda tarikh dalam pertuduhan kepada tarikh seperti yang ada dalam pertuduhan yang telah dinyatakan dalam penghakiman ini. Selain itu pihak pendakwa juga telah mengemukakan tuduhan tambahan yang mendakwa perayu melakukan kesalahan rogol di antara November 1995 jam 2 petang hingga 11 November 1996 jam 6 petang, di dalam semak dekat kawasan Bukit Kuang Cukai, dalam Daerah Kemaman dalam Negeri Terengganu.

[6] Tuduhan yang telah dipinda dan tuduhan tambahan tersebut telah dibacakan kepada perayu dan perayu minta dibicarakan ke atas kedua-dua tuduhan tersebut. Hakim bicara kedua telah membenarkan pihak-pihak memanggil semula (recall) saksi-saksi yang telah memberi keterangan jika mereka mahu. Peguam bagi perayu telah memohon dan dibenarkan menjalankan pemeriksaan balas lanjut ke atas SP8.

[7] Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara kedua telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu kesalahan rogol seperti dalam pertuduhan yang telah dipinda dan memerintahkan perayu membela dirinya bagi pertuduhan tersebut. Hakim bicara telah melepaskan dan membebaskan perayu tanpa dipanggil membela diri bagi pertuduhan tambahan. Oleh kerana pihak pendakwa tidak mengemukakan apa-apa rayuan terhadap pembebasan tersebut, saya tidak akan memperkatakan apa-apa lagi tentang keputusan tersebut dalam penghakiman ini.

[8] Berbalik kepada tuduhan yang telah dipinda, untuk membela dirinya, perayu telah memberi keterangan secara bersumpah dan memanggil isterinya (SD2) untuk memberikan keterangan. Di akhir

kes, hakim bicara kedua telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu.

Kes Pihak Pendakwaan

[9] Intipati kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

Saksi utama pihak pendakwa ialah SP8, iaitu mangsa rogol dalam kes ini. Ketika memberi keterangan secara bersumpah di mahkamah, SP8 berumur 15 tahun dan sedang belajar di Tingkatan 3, di sebuah sekolah menengah di Kemaman. SP8 telah memberikan keterangan bahawa dia ingat apa yang telah dilakukan oleh perayu (abang iparnya) masa dia berada dalam darjah 4. SP8 berada dalam darjah 4 pada tahun 1996. Menurut SP8, perayu tinggal di Jalan Taha, Kemaman. Pada masa kejadian SP8 tinggal bersama-sama ibunya dan ayahnya serta kakak dan abangnya di Bukit Kuang. SP8 menyatakan bahawa dalam kejadian pertama, perayu telah mengambilnya dari rumah emaknya dan mengajaknya pergi memancing di sungai di hadapan rumahnya. Menurut SP8, mula-mula perayu mengajak dia berjalan di sungai itu. Perayu memegang tangan SP8. Kemudian perayu telah membaringkan SP8 di atas kain yang dibawa oleh perayu. Seterusnya SP8 memberikan keterangan seperti berikut:

> Dia tanggalkan seluar track yang saya pakai.
>
> Saya pakai T-shirt pada hari itu.
>
> Dia baringkan saya dan cabut seluar saya. Baju saya tidak ditanggalkan.
>
> Dia tanggalkan seluarnya. Baju tidak ditanggalkan. Saya nampak kemaluan beliau keras/tegang.
>
> Lepas itu dimasukkan kemaluan dia ke dalam kemaluan saya.
>
> Saya rasa sakit di kemaluan saya.
>
> Masa rasa sakit, saya rasa ada kemaluan OKT di dalam kemaluan saya.
>
> Saya rasa lebih kurang 5 minit.
>
> Selepas 5 minit OKT cabut kemaluan. Saya rasa ada air di luar kemaluan saya.
>
> Selepas itu dia kesat kemaluan saya dengan kain batik yang tersebut.

Dia beritahu jangan beritahu orang. Saya kata "aa".

Lepas itu dia bawa saya ke tempat memancing semula.

Lebih kurang jam 5.00 petang kami balik ke rumah emak.

Masa kejadian jam 4.00 lebih petang.

OKT juga balik rumah emak.

[10] Menurut SP8, selepas kejadian pertama itu, kejadian kedua berlaku 2-3 hari selepas kejadian pertama. Menurut SP8 kejadian kedua berlaku di rumah SP8. Kejadian tersebut berlaku pada jam lebih kurang 2-3 petang. Pada masa kejadian tersebut tiada sesiapa di rumah. Pada masa itu kakak SP8 telah pergi ke rumah emak SP8. SP8 seterusnya menyatakan bahawa sebelum kejadian kedua itu, perayu telah mengambilnya di rumah emaknya selepas menghantar kakaknya (isteri perayu) ke rumah emaknya. Menceritakan tentang kejadian rogol kedua ini SP8 menyatakan:

Selepas kejadian pertama ini, kejadian kedua berlaku 2-3 hari selepas itu. Kejadian kedua berlaku di rumah beliau di Jalan Taha Kemaman.

Kejadian kedua berlaku pada petang lebih kurang jam 2.00-3.00 petang.

Masa kejadian tiada sesiapa di dalam rumah. Kakak saya pergi ke rumah emak pada masa itu.

Sebelum kejadian kedua OKT ambil saya di rumah emak selepas hantar kakak saya (isteri OKT) ke rumah emak.

Kejadian kedua berlaku di dalam bilik tidur OKT.

Saya tahu bilik tidur OKT sebab saya pernah pergi ke rumahnya.

Dalam bilik tidur kejadian sama berlaku.

Hari itu saya pakai seluar track dan T-shirt.

Sebelum balik ke rumah, selepas hantar kakak, dia bawa saya ke A&W Kemaman dan beli ayam 2 ketul dan bawa balik ke rumahnya.

Di rumah saya makan ayam yang dibelikan. OKT tidak makan.

Lepas makan OKT ajak saya masuk ke dalam bilik tidur dia.

Dalam bilik dia suruh saya tidur atas tilam.

Lepas itu dia buka seluar saya dan juga seluar beliau.

Lepas itu dia tidur atas saya dan dia masukkan kemaluan dia ke dalam kemaluan saya.

Saya nampak kemaluan OKT dalam keadaan keras.

Dia masukkan kemaluan dia dalam kemaluan saya lebih kurang 5 minit.

Dia keluar masukkan kemaluan dia.

Saya rasa sakit. Saya rasa kemaluan saya basah.

Saya ada rasa air keluar dari kemaluan OKT di luar kemaluan saya.

Air macam gam.

Lepas itu dia cabut kemaluan dia dan kesat kemaluan saya dengan kain batik. Kemaluan beliau juga dia kesat.

Lepas itu saya pakai seluar semula.

OKT juga pakai seluar.

Lepas itu saya balik ke rumah di Bukit Kuang.

[11] Meneruskan keterangannya, SP8 menyatakan bahawa sebelum balik ke rumah perayu telah mengugutnya supaya jangan memberitahu orang, nanti "mati dia".

[12] Dalam keterangannya ketika disoal balas oleh peguam bagi pihak perayu, SP8 menyatakan bahawa dia tidak ingat tarikh sebenar kejadian. Kejadian pertama berlaku pada tahun 1995. Kejadian kedua berlaku pada bulan November 1996. Menurut SP8 setiap kejadian rogol ke atasnya telah dilakukan oleh perayu (Amran). SP8 menyatakan bahawa dia tidak pernah mengadakan hubungan seks dengan orang lain, selain perayu.

[13] SP8 juga menyatakan bahawa semasa berlaku hubungan seks dengan perayu, dia nampak kemaluan perayu. Menurut SP8 pada masa itu kemaluan perayu tegang ("cokeng"). SP8 menyatakan bahawa dia nampak kemaluan perayu masuk ke dalam kemaluannya. SP8 telah menafikan saranan peguam bahawa dia tidak nampak kemaluan perayu masuk ke dalam kemaluannya. SP8 juga menafikan saranan peguam bahawa perayu tidak pernah merogolnya. SP8 juga menafikan bahawa dia sebenarnya mengadakan hubungan seks dengan seorang bernama Asrol.

[14] Menurut SP8, dia telah memberitahu apa yang telah dilakukan oleh perayu ke atasnya kepada Kak Ngahnya (Gayah bte Mamat), SP4 dan Kak Ani (SP9).

[15] SP9 (Rohani bte Mamat), memberikan keterangannya bahawa pada 16 November 1996 dia berada di rumah bersama-sama ibu bapanya, Kak Long (SP4), Kak Ngah, Azizah, Habsah dan SP8. Menurut SP9 pada hari itu dia dan SP4 ada bertanya SP8 samada ada apa-apa yang telah berlaku ke atas dirinya. SP9 telah bertanya SP8 sama ada perayu ada buat apa-apa ke atasnya. SP9 nampak muka SP8 kelihatan seperti orang yang takut. SP9 telah memujuk SP8 untuk memberitahu apa yang telah berlaku dan SP9 nampak SP8 macam hendak menangis. SP9 bertanya SP8 sekali lagi, "Abang Am ada buat benda".

[16] Meneruskan keterangannya SP9 berkata:

> Dia anggok dan dia cerita Abang Am telah bawa dia ke rumah Amran di Jalan Datok dan disitu dia dibuka baju dan suruh Yati baring dalam bilik tidur dan buat keatas Yati.
>
> Saya tanya benda ini baru lagi berlaku.
>
> Yati kata dah lama, masa dia beritahu sudah 2 tahun perkara ini berlaku.
>
> Dia juga ada beritahu dalam semak juga berlaku.
>
> Semak dekat rumah saya.
>
> Mengikut Yati bila OKT bawa keluar dan anak-anaknya ke rumah kami, dia akan bawa Yati ke rumah dia.
>
> Kakak saya nama Azizah.
>
> Kebiasaannya OKT datang ambil Yati dengan menaiki motorsikal.
>
> Masa itu Yati dalam darjah 4.
>
> Dia tidak ingat tarikh sebenar.
>
> Dia ada kata kejadian berlaku banyak kali.
>
> Saya ada tanya kenapa tidak beritahu selama ini. Dia kata dia takut.
>
> Selepas Yati cerita, kami berbincang dan memutuskan Kak Long bawa Yati ke Hospital Kemaman untuk diperiksa oleh doktor. Dia ditahan di wad.
>
> Saya ada tanya samada ada orang lain yang terlibat.
>
> Yati kata cuma Abang Am seorang yang terlibat.

[17] Dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas SP9 berkata bahawa mereka naik syak terhadap perayu kerana anak dia sendiri menangis hendak mengikutnya dia tidak bawa, tetapi dia membawa

SP8. Menurut SP9 juga, bila SP8 balik ke rumah mukanya kelihatan pucat. Menurut SP9 juga kadang-kadang perayu membeli makanan untuk SP8, sedangkan anak-anaknya sendiri dia tidak membelikan makanan.

[18] Keterangan SP9 juga disokong oleh keterangan SP4. Menurut SP4:

> Pada 1996, 11.11.96, malam .. saya ada diberitahu/tanya kepada Norhayati Mohamad.
>
> Norhayati kata, dia diperkosa oleh abang ipar dia – nama 'Abang Am' kata peristiwa mula sejak dia berumur 9 tahun lagi (Darjah 3).
>
> Semasa dia cerita, dia berumur 10 tahun. Cerita 1 tahun selepas peristiwa berlaku.
>
> Akhir sekali – berlaku dirumah OKT ... 'Abang Am' – semasa kejadian akhir sekali – dia cerita berlaku pada sebelah petang 'Abang Am' ambil mangsa dirumah emak mertua saya di Kg. Bukit Kuang, setelah itu, mangsa dibawa ke rumah OKT di Jalan Datok, Cukai ... Norhayati cerita, OKT 'buat dia' dirumah tersebut.
>
> Norhayati cerita kepada saya – Abang Am buat dia dalam bilik – Abang Am naik atas dia – Abang Am minta Norhayati bukakan seluar ... Norhayati menangis ... Abang Am terus buat dia, Norhayati cakap, Abang Am masukkan kemaluan dia ke kemaluan adik – kata airnya dibuang diluar.

[19] Menurut SP4, selepas SP8 menceritakan apa yang telah berlaku, ayahnya telah menyuruhnya, Gayah dan SP9 membawa SP8 ke Hospital Kemaman. SP4 telah membawa SP8 pergi ke Hospital Kemaman dan berjumpa Dr. Mohd Noh (SP1). Selepas pemeriksaan dibuat ke atas SP8, SP4 telah membuat laporan polis, iaitu Cukai Report 2506/96 (eks. P4).

[20] Dalam keterangannya, SP1 mengesahkan bahawa pada 16 November 1996 semasa bertugas di Klinik Kecemasan, Hospital Kemaman SP8 telah dirujukkan kepadanya. SP1 telah membuat pemeriksaan ke atas SP8. Dalam pemeriksaan tersebut, SP1 mendapati bahawa kemaluan mangsa kelihatan lebam di kiri bibir dalam kemaluan SP8, di belakang posterior fourchette – berhampiran dubur. Di selaput dara SP8 kelihatan robekan lama di posisi jam pukul 12, 5 dan 8. SP1 berpendapat bahawa robekan itu disebabkan oleh zakar.

[21] Dalam keterangannya, SP5 mengesahkan bahawa pada 18 Disember 1996 kes SP8 telah dirujukkan kepadanya oleh Pegawai Perubatan Hospital Kemaman. SP5 telah menjalankan pemeriksaan ke atas SP8 dengan ditemani oleh ibunya. SP5 mengesahkan bahawa terdapat koyakan hymen di posisi jam pukul 5, 8 dan 12. SP5 berpendapat bahawa koyakan selaput dara itu mungkin (likely) disebabkan oleh kemasukan zakar.

Hujah Peguam Bagi Pihak Perayu

[22] Dalam hujah bertulisnya, yang telah dibacakan dalam mahkamah peguam perayu menyatakan bahawa:

> Tuan Hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa suatu kes *'prima facie'* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan dan suatu kes tanpa keraguan munasabah berjaya dibuktikan ke atas Perayu/Responden di akhir kes pembelaan.
>
> Seterusnya Perayu/Responden menghujahkan bahawa terdapat beberapa faktor yang tidak diambil kira oleh Tuan Hakim sebelum mensabitkan Perayu/Responden dengan pertuduhan dalam kes ini antaranya:
>
> i. Di dalam kes ini tiada sebarang kesan air mani Perayu/ Responden ditemui di mana-mana tempat kejadian dan juga di kemaluan mangsa (SP8) bagi mengaitkan Perayu/ Responden dengan pertuduhan dalam kes ini. SP8 dalam keterangannya ada menyatakan bahawa semasa hubungan sex dengan Perayu/Responden, air mani Perayu/Responden ada jatuh di atas satu tilam bujang di tempat kejadian. Dalam kes ini tilam tersebut tidak diambil oleh pihak polis, tetapi Pegawai Penyiasat (SP7) ada mengambil sarong dari tilam tersebut (P8A) di mana dikatakan berlaku beberapa kali kejadian rogol terhadap mangsa (SP8) dan dihantar ke Jabatan Kimia, Kuala Terengganu untuk pemeriksaan. SP7, seterusnya menyatakan dalam pemeriksaan balas bahawa beliau ada menerima satu laporan kimia berkenaan hasil pemeriksaan ke atas sarong tilam tersebut di mana tiada sebarang kesan air mani/bendasing lain di atas sarong itu. Walau bagaimanapun, Laporan Kimia tersebut tidak pernah dikemukakan sebagai ekshibit di Mahkamah semasa perbicaraan. Oleh itu peruntukkan seksyen 114(g) Akta Keterangan dapat digunapakai atas kegagalan pihak pendakwa mengemukakan laporan kimia tersebut di Mahkamah.

Sekiranya benar kejadian rogol berlaku dan air mani Perayu/Responden dilepaskan di atas tilam tersebut sudah tentu ada kesan air mani atau bendasing lain yang boleh mengaitkan OKT dengan kejadian tersebut. Tiada penjelasan dari saksi-saksi pendakwaan bagaimana perkara ini mengapa tiada sebarang kesan air mani/bendasing lain dikesan di atas sarong tilam tersebut. Lebih memudaratkan kes pendakwaan tilam tempat dikatakan berlakunya kejadian rogol tersebut tidak diambil oleh pihak pendakwa untuk dibuat analisa oleh Jabatan Kimia bagi menyokong tuduhan terhadap Perayu/Responden. Oleh yang demikian, adalah dihujahkan bahawa satu inferen yang menyebelahi Perayu/Responden perlu digunapakai iaitu kejadian rogol oleh Perayu/Responden terhadap mangsa (SP8) tidak pernah berlaku dan tidak boleh dibuktikan langsung oleh pihak pendakwa.

ii. Terdapat kekeliruan dan percanggahan keterangan berkenaan tempat berlakunya kejadian rogol ke atas mangsa (SP8). SP8 menyatakan bahawa kejadian tersebut ada berlaku di rumah Perayu/Responden di Jalan Taha sedangkan saksi-saksi pendakwaan yang lain menyatakan bahawa kejadian tersebut berlaku di rumah Perayu/Responden di Jalan Datok. Tiada penjelasan dari saksi-saksi pendakwa yang mengesahkan bahawa Jalan Taha dan Jalan Datok adalah merujuk kepada tempat yang sama atau sebaliknya.

iii. Tiada sebarang ujian 'potency' dilakukan ke atas Perayu/Responden untuk menentukan samada beliau berkemampuan untuk melakukan persetubuhan.

iv. Pemeriksaan oleh doktor-doktor (SP1 dan SP5) terhadap mangsa (SP8) mengesahkan memang terdapat koyakan lama pada kemaluan SP8 dan SP5 dalam keterangannya juga menyatakan bahawa koyakan tersebut kemungkinan terjadi disebabkan 'due to penetrative causes, penile or some other object'. SP1 menyatakan robekan tersebut berlaku disebabkan oleh kemasukan, kemasukan sesuatu sebabkan selaput dara pecah. Kemasukan benda lain jika saiz menyerupai zakar boleh beri kesan yang sama, begitu juga zakar sebenar.

Oleh itu, keterangan-keterangan dari doktor-doktor tidak dapat menyatakan dengan konklusif bahawa kesan koyakan ini hanya disebabkan oleh kemasukan zakar kerana ia mungkin disebabkan oleh benda-benda lain.

v. SP5 dalam keterangannya semasa soal balas menyatakan bahawa ada kesan baru iaitu calar di kemaluan mangsa (SP8) dan anggaran kemungkinan berlaku dalam waktu 24 jam. SP5 dalam keterangannya menyatakan SP8 dirujuk kepada beliau

pada 18.12.1996. Keterangan dari SP5 ini menunjukkan kemungkinan berlakunya lagi kemasukan zakar atau benda lain ke dalam kemaluan mangsa dan disebabkan itulah adanya calar pada kemaluan SP8 iaitu kesan baru yang berlaku dalam tempoh 24 jam dari tarikh pemeriksaan oleh SP5 terhadap SP8 pada 18.12.1996. Tiada penjelasan dari pihak pendakwaan bagaimana kesan baru ini boleh berlaku kerana berdasarkan pertuduhan dalam kes ini, kejadian rogol dikatakan berlaku kejadian rogol ke atas SP8 di antara bulan November, 1995 hingga 11.11.1996.

vi. Adalah dihujahkan bahawa pihak pendakwa tidak dapat membuktikan intipati pertuduhan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan bahawa terdapatnya kemasukan (penetration) oleh kemaluan Perayu/Responden secara khusus/ spesifik sahaja ke dalam kemaluan mangsa (SP8) sedangkan tiadanya keterangan sokongan atau saintifik yang kukuh bahawa hanya kemaluan Perayu/ Responden yang dimasukkan (penetrate) ke dalam kemaluan SP8 menyebabkan berlakunya koyakan ke atas selaput dara mangsa. Kerana kegagalan membuktikan terdapatnya kemasukan oleh kemaluan Perayu/ Responden tersebut, menyebabkan intipati kemasukan tanpa kerelaan mangsa tidak wujud sama sekali.

Oleh yang demikian, adalah dihujahkan bahawa pihak pendakwa telah gagal sama sekali untuk mengaitkan Perayu/ Responden dengan pertuduhan dalam kes ini. Tambahan pula tiada sebarang bukti dan keterangan saintifik yang boleh mengaitkan Perayu/ Responden secara khusus bahawa beliaulah yang merogol SP8 sebagaimana dalam pertuduhan dalam kes ini. Perayu/Responden memohon agar beliau dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan dalam kes ini.

Keputusan Mahkamah Tentang Rayuan Terhadap Sabitan

[23] Tentang soal beban pembuktian, peguam bagi pihak perayu telah silap apabila beliau menyatakan bahawa, "tuan hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa suatu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan ...". Saya dapati tiada apa-apa dalam nota keterangan atau alasan penghakiman hakim bicara kedua yang menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan beban pembuktian pada tahap pembuktian kes prima facie di akhir kes pendakwaan. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara kedua menyatakan bahawa beliau mendapati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan satu kes tanpa keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) terhadap perayu. Oleh kerana kesalahan ini

dilakukan sebelum 31 Januari 1997, maka hakim bicara hendaklah berpuashati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes terhadap perayu beyond reasonable doubt (lihat kes *Bahruni b. Ismail v. PR* [1997] 3 CLJ 267, Mahkamah Persekutuan). Oleh itu hakim bicara kedua telah tidak membuat kesilapan dalam penggunaan beban pembuktian di akhir kes pendakwaan.

[24] Peguam bagi pihak perayu telah mempersoalkan ketiadaan kesan air mani perayu ditemui di tempat kejadian dan juga di kemaluan SP8 untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan. Dalam pandangan saya penemuan air mani perayu di tempat kejadian atau di kemaluan SP8 bukanlah elemen yang mesti dibuktikan untuk mengaitkan perayu dengan pertuduhan. Pihak pendakwa boleh bergantung kepada keterangan lain. Dalam kes ini pihak pendakwa bergantung kepada keterangan SP8 dan keterangan sokongan oleh SP4, SP9 dan SP1 dan SP5.

[25] Peguam juga mempertikaikan hakikat bahawa tilam tidak diambil oleh polis untuk dibuat analisa oleh Jabatan Kimia. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa jika benar kejadian rogol berlaku dan air mani responden dilepaskan di atas tilam tersebut sudah tentu terdapat kesan air mani atau bendasing lain yang boleh mengaitkan perayu. Oleh itu peguam berhujah bahawa inferen yang memihak kepada perayu hendaklah dibuat – iaitu kejadian rogol oleh perayu tidak pernah berlaku. Saya tidak dapat menerima hujah ini. Beban yang dipikul oleh pihak pendakwa ialah membuktikan kes terhadap perayu beyond reasonable doubt, bukan membuktikan satu kes yang 100% sempurna. Adalah baik bagi pihak pendakwa jika tilam itu telah diambil oleh polis dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Tetapi ini tidak bererti bahawa kegagalan mengambil tilam itu dan menghantarnya ke Jabatan Kimia, membawa padah kepada kes pihak pendakwa. Ini adalah kerana pemeriksaan dan analisa ke atas tilam bukanlah perkara yang mesti dibuat di bawah undang-undang untuk membuktikan kes terhadap perayu. Jika disenaraikan, perkara-perkara yang telah tidak dilakukan oleh pihak polis dalam penyiasatan sesuatu kes itu mungkin banyak. Tetapi soal yang mesti diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada keterangan yang dikemukakan di mahkamah telah membuktikan kes terhadap perayu beyond reasonable doubt. Inilah soalan utama yang mesti diputuskan oleh mahkamah. Jika jawapan kepada persoalan ini adalah “Ya”, maka di bawah undang-undang, kes terhadap perayu telah terbukti walaupun tilam, bantal, selimut, atau seluar dalam

tidak dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa, atau ada perkara-perkara lain yang telah tidak dilakukan oleh polis dalam siasatan. Dalam pengamatan saya, dalam kes ini jawapan kepada persoalan tersebut adalah "Ya" – keterangan yang dikemukakan di mahkamah telah membuktikan kes terhadap perayu beyond reasonable doubt. Oleh itu hakim bicara kedua telah tidak membuat kesilapan dalam memanggil perayu untuk membela dirinya.

[26] Seperti yang telah dinyatakan di awal penghakiman ini, SP2, Penolong Pengarah Pendaftaran Negeri Terengganu telah memberikan keterangan dan mengemukakan Borang A, Borang Daftar Beranak H. 079961 (eks. P2). SP2 telah mengesahkan bahawa SP8 telah dilahirkan pada 3 Disember 1986. Keterangan ini lansung tidak dipertikaikan oleh pihak pembela. Keterangan SP2 membuktikan bahawa pada 1 November 1995, SP8 berumur 8 tahun 10 bulan 28 hari. Pada 1 November 1996, SP8 berumur 9 tahun 10 bulan 28 hari dan pada 11 November 1996, SP8 berumur 9 tahun 11 bulan 8 hari. Adalah jelas bahawa pada tarikh kejadian rogol dilakukan seperti dalam pertuduhan, SP8 berumur jauh lebih kurang dari 16 tahun. Ini bererti bahawa jika perayu telah melakukan persetubuhan dengan SP8 pada tarikh yang disebut dalam pertuduhan terhadapnya, dia telah melakukan kesalahan rogol seperti yang ditakrifkan di bawah s. 375 Kanun Keseksaan walaupun persetubuhan tersebut dilakukan dengan izin SP8. Jadi, hakim bicara kedua tidak membuat kesilapan apabila beliau memutuskan bahawa dalam kes ini pihak pendakwa tidak perlu membuktikan terdapatnya unsur-unsur paksaan. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa ialah fakta bahawa terdapat kemasukan (penetration) zakar perayu ke dalam kemaluan SP8. Sehubungan ini, hakim bicara kedua mendapati bahawa perbuatan tertuduh memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP8 dapat dilihat dan dirasai oleh SP8. Hakim bicara kedua mendapati bahawa SP8 nampak kemaluan perayu dalam keadaan tegang dan SP8 dapat merasakan perayu memasukkan zakarnya ke dalam kemaluan SP8 selama lebih kurang 5 minit dan SP8 merasa sakit di kemaluannya. Hakim bicara kedua telah menerima SP8 (yang telah didengar keterangannya oleh beliau) sebagai seorang saksi yang telus dan bercakap benar. Hakim bicara kedua juga menyedari bahawa ketika menceritakan kejadian rogol tersebut kepada SP4 dan SP9, SP8 berusia 10 tahun dan dalam penghakiman beliau di peringkat umur tersebut SP8 adalah terlalu naive dan muda untuk sengaja mereka-rekakan cerita (lebih-lebih lagi cerita yang terperinci) terhadap perayu. Setelah mendengar keterangan SP8, hakim bicara kedua mendapati bahawa hanya

A seorang yang sememangnya telah mengalami kejadian sedemikian dapat menceritakan semula kejadian yang telah dialaminya. Hakim bicara kedua juga menerima keterangan SP8 bahawa dia tidak pernah melakukan persetubuhan dengan orang lain selain perayu.

B **[27]** Saya sendiri telah meneliti keseluruhan keterangan SP8 seperti yang terdapat dalam rekod rayuan, yang intipatinya telah pun saya rujuk dalam penghakiman ini. Saya dapati SP8 tidak goyah dalam keterangannya ketika disoal balas oleh peguam. Malah, keterangannya dalam pemeriksaan balas menguatkan lagi C keterangannya dalam pemeriksaan utama. Oleh itu dalam pandangan saya, hakim bicara kedua telah membuat kesimpulan yang betul di dalam menerima keterangan SP8, yang telah didengarnya sendiri dalam perbicaraan di hadapannya. Hakim bicara juga mendapati bahawa keterangan SP8 telah disokong oleh D keterangan SP1 dan SP5 yang telah mengesahkan bahawa terdapat koyakan lama pada hymen mangsa, yang menurut SP1 dan SP5, adalah konsisten dengan kemasukan oleh benda keras seperti zakar. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa keterangan doktor-doktor (SP1 dan SP5) tidak dapat menyatakan dengan E konklusif bahawa kesan koyakan hymen SP8 bukan hanya disebabkan oleh kemasukan zakar, kerana menurut peguam, koyakan hymen itu mungkin disebabkan oleh benda-benda lain. Untuk menyokong hujahnya peguam telah merujuk kepada keterangan SP1 di mana SP1 menyatakan bahawa kemasukan F benda lain jika saiznya menyerupai zakar boleh beri kesan yang sama dengan zakar sebenar. Peguam bergantung kepada keterangan SP5 di mana SP5 menyatakan bahawa koyakan hymen SP8 disebabkan oleh penetrative causes – penile or some other object. Dalam pandangan saya, walaupun SP1 dan SP5 dalam keterangan G mereka seperti yang disebutkan itu menyebut tentang kemungkinan koyakan hymen disebabkan oleh kemasukan benda lain selain dari zakar, keterangan SP1 dan SP5 itu hendaklah ditimbangkan dengan keterangan SP8 sendiri. Tidak ada apa-apa dalam keterangan SP8 yang boleh digunakan untuk menimbulkan H keraguan bahawa mungkin koyakan hymen beliau telah disebabkan oleh benda lain selain dari zakar manusia. Dalam keterangannya, SP8 telah memberitahu mahkamah bicara bagaimana kejadian rogol kedua berlaku. Keterangan SP8 adalah tegas dan jelas bahawa dia nampak zakar perayu dalam keadaan keras. SP8 nampak perayu I memasukkan zakarnya ke dalam kemaluannya (SP8) selama 5 minit. SP8 menyatakan bahawa perayu telah keluar masukkan zakarnya. SP8 merasa sakit dan merasa kemaluannya basah. SP8 ada rasa air macam gam keluar dari kemaluan perayu dan menurut SP8

lepas itu perayu cabut (keluarkan) zakarnya dan mengesat kemaluan SP8 dengan kain batik. SP8 juga telah memberikan keterangan bahawa dia tidak pernah melakukan persetubuhan dengan orang lain selain perayu. Dalam penghakiman saya, apabila keterangan SP8 itu ditimbangkan bersekali dengan keterangan SP1 dan SP5 adalah jelas beyond reasonable doubt bahawa hymen SP8 telah koyak disebabkan oleh kemasukan zakar perayu.

[28] Peguam juga telah merujuk kepada keterangan SP5 bahawa terdapat kesan calar baru di kemaluan SP8 yang dianggarkan mungkin berlaku dalam waktu 24 jam. Dengan menggunakan keterangan itu peguam telah berhujah keterangan SP5 itu menunjukkan kemungkinan berlaku lagi kemasukan zakar atau benda lain ke dalam kemaluan SP8 dalam tempoh 24 jam sebelum SP8 diperiksa oleh SP5 pada 18 Disember 1996. Saya tidak dapat menerima hujah tersebut. Keseluruhan keterangan SP5 di dalam soal balas adalah seperti berikut:

Soalan : Bila periksa pesakit.

Jawapan : 17.11.1996.

Soalan : Ada kesan baru.

Jawapan : Ada kesan baru – calar di kemaluan pesakit – bawah.

Soalan : Calar – bila?

Jawapan : Calar – anggaran – mungkin dalam waktu 24 jam.

[29] Itu sahaja soalan-soalan yang ditanya oleh peguam dalam pemeriksaan balas SP5.

[30] Keterangan lain SP5 yang lebih penting, misalnya keterangan SP5 bahawa koyakan hymen SP8 telah berlaku lebih dari 24 jam dari tempoh pemeriksaan tidak langsung dicabar oleh peguam. Jika benar kes pihak pembelaan bahawa calar baru di kemaluan SP8 itu menunjukkan kemungkinan telah berlaku lagi kemasukan zakar atau benda lain ke dalam kemaluan SP8 dalam tempoh 24 jam sebelum 18 Disember 1996, maka perkara ini hendaklah ditimbulkan semasa SP5 disoal balas, dan SP5 disoal secara spesifik tentang kemungkinan tersebut. Tidak dinafikan bahawa peguam boleh mengatur strategi sendiri di dalam menyoal balas saksi-saksi pihak pendakwa. Walaupun begitu, pihak pembelaan perlu mengutarakan pembelaannya atau unsur penting dalam kesnya kepada saksi-saksi pendakwa semasa saksi-saksi yang berkenaan itu memberi keterangan. Adalah tidak adil unsur penting atau pembelaan itu

ditimbulkan hanya di peringkat penghujahan, apabila saksi berkenaan telah tidak ada lagi dalam mahkamah untuk memberikan keterangan tentang dakwaan itu. Keperluan ini bukan semata-mata satu technicality yang boleh dipandang sepi. lanya adalah kaedah keadilan dan fair play (lihat kes *Browne v. Dunn* [1993] 5 R 67; 70 per Lord Herchell LC, *Chua Beow Huat v. PP* [1970] 2 MLJ 29, *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215, *Wong Swee Chen v. PP* [1981] 1 MLJ 212, P213). Dalam kes *Chua Beow Huat v. PP* di ms 32, Sharma H menyatakan:

> The learned president has held that the statements of the appellant to PW5 and PW7 were voluntarily made and I see no reason to intefere with that finding, and more particularly so when PW7 was not cross-examined at all by the counsel for the accused. The original report of the case *Brown v. Dunn* is not available but the relevant pasage is reproduced in the case of *A.E.G. Carapiet v. A.Y. Derderian* where it is said:
>
> On this point the most important and decisive authority is *Browne v. Dunn*, reported in [1893] 6 R.69. It is a decision of the House of Lords where Lord Herschell LC, Lord Halsbury, Lord Morris and Lord Bowen were all unanimous on this particular point. Lord Chancellor Herschell, at page 70 of the report, observed:
>
> > Now, my Lords, I cannot help saying that it seems to me to be absolutely essential to the proper conduct of a cause where it is intended to suggest that a witness is not speaking the truth on a particular point, to direct his attention to the fact, by some questions put in cross-examination showing that that imputation is intended to be made, and not to take his evidence and pass it by as a matter altogether unchallenged and then, when it is impossible for him to explain, as perhaps he might have been able to do if such questions had been put to him, the circumstances which it is suggested indicate that the story he tells ought not to be believed, to argue that he is a witness unworthy of credit. My Lords, I have always understood that if you intend to impeach a witness you are bound, whilst he is in the box, to give him an opportunity of making any explanation which is open to him; and, as it seems to me, that is not only a rule of professional practice in the conduct of a case, but is essential to fair play and fair dealing with witnesses.
>
> Lord Halsbury, the other member of the House of Lords at page 76 of the same report said:

My Lords, with regard to the manner in which the evidence was given in this case, I cannot too heartily express my concurrence with the Lord Chancellor as to the mode in which a trial should be conducted. To my mind nothing would be more absolutely unjust than not to cross-examine witnesses upon evidence which they have given, so as to give them notice, and to give them such an opportunity, to ask the jury afterwards to disbelieve what they have said, although not one question has been directed either to their credit or to the accuracy of the facts they were deposed to.

...

Mukharji J, in this Indian case said:

The law is clear on the subject. Wherever the opponent has declined to avail himself of the opportunity to put his essential and material case in cross-examination, it must follow that he believed that the testimony given could not be disputed at all. It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice. It serves to prevent surprise at trial and miscarriage of justice, because it gives notice to the other side of the actual case that is going to be made when the turn of the party on whose behalf the cross-examination is being made comes to give and lead evidence by producing witnesses. It has been stated on high authority of the House of Lords that this much a counsel is bound to do when cross-examining that he must put to each of his opponent's witnesses in turn, so much of his own case as concerns that particular witness or in which that witness had any share. If he asks no question with regard to this, then he must be taken to accept the plaintiff's account in its entirely. Such failure leads to miscarriage of justice, first by springing surprise upon the party when he has finished the evidence of his witnesses and when he has no further chance to meet the new case made which was never put and secondly, because such sebsequent testimony has no chance of being tested and corroborated.

[31] Begitulah juga halnya dengan keterangan SP8. Tidak ada cabaran dikemukakan secara spesifik oleh peguam bagi pihak perayu bahawa SP8 telah melakukan hubungan seks dalam masa 24 jam sebelum 18 Disember 1996. Soalan-soalan spesifik tentang soal ini juga tidak diajukan kepada SP8 ketika disoal balas. Dalam penghakiman saya, keterangan tentang calar itu tidak cukup untuk menimbulkan keraguan yang munasabah tentang kemungkinan bahawa telah terdapat lagi kemasukan (penetration) ke dalam

kemaluan SP8 dalam masa 24 jam sebelum 18 Disember 1996. Sehubungan ini apa yang dimaksudkan dengan keraguan yang munasabah (reasonable doubt) dapat dilihat dari penghakiman Thompson CJ ketika menjelaskan maksud beyond reasonable doubt dalam kes *Liew Kaling v. PP* [1960] MLJ 306 di ms 311:

> We are not laying down or commending any formula. There are, however, in existence two examples of how the point can be expounded, a consideration of which convinces us that there is no real difficulty.
>
> The first of these passages is from the judgment of Denning J (as he then was) in the case of *Miller v. Minister of Pensions* where His Lordship thus described the degree of proof required in criminal cases:
>
> That degree is well settled. It need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of doubt. The law would fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to deflect the course of justice. *If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence 'of course it is possible, but not in the least probable,' the case is proved beyond reasonable doubt but nothing short of that will suffice*.
>
> The second passage is from the summing-up of Lord Hewart CJ in *Podmore*'s case where His Lordship used the phrase "beyond reasonable doubt" and then went on to say (the passage is from the transcript):
>
> You will not, I am sure, allow yourselves to be bewildered or troubled by such a phrase. *What it means is not some whimsical or fanciful doubt, which a person might conjure up for the purpose of creating a difficulty, but such a doubt as would govern a man's course of action in some private affair of moment of his own.*

[32] Di dalam kes ini dalam penghakiman saya keterangan SP8, yang disokong oleh keterangan SP1, SP5, SP4 dan SP9 adalah sebegitu kuat yang hanya meninggalkan satu remote possibility yang memihak kepada perayu, yang boleh ditolak dengan menyatakan bahawa "of course it is possible but not in the least probable". Jadi Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak silap apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya beyond reasonable doubt.

[33] Peguam bagi pihak perayu juga telah mempersoalkan soal potency test yang tidak dilakukan ke atas perayu untuk menentukan sama ada beliau berkemampuan untuk melakukan persetubuhan. Sehubungan ini, dalam keterangannya pegawai penyiasat kes ini (SP7) menyatakan bahawa perayu telah dibawa ke Hospital Kemaman pada 24 November 1996 untuk ujian potency, tetapi perayu sendiri tidak mahu diperiksa, kerana doktor yang memeriksa adalah seorang perempuan. Adakah kegagalan ujian ini menimbulkan keraguan yang munasabah tentang potency zakar perayu dan keupayaannya untuk melakukan hubungan seks? Jawapannya adalah "tidak". Ujian potency bukanlah satu ujian yang mesti dilakukan di dalam setiap penyiasatan kes-kes rogol atau sumbang mahram. Jika ujian itu dilakukan ia akan membantu kes pihak pendakwa. Jika ia tidak dilakukan, ini tidak bererti bahawa seseorang itu tidak berupaya melakukan persetubuhan, jika terdapat keterangan lain yang boleh membuktikan keupayaan orang itu untuk melakukan persetubuhan. Dalam kes ini, dari keterangan SP8 yang dengan jelas telah menerangkan tentang ketegangan zakar perayu dan kemasukan zakar perayu ke kemaluannya serta mengeluarkan air mani pada masa yang material, tidak timbul keraguan yang munasabah tentang keupayaan perayu untuk melakukan persetubuhan. Malahan SP8 tidak pernah dicabar oleh peguam semasa pemeriksaan balas atau diajukan dengan dakwaan bahawa pada masa yang material perayu mati pucuk atau tidak berkeupayaan untuk melakukan persetubuhan. Apa yang jelas ialah bahawa terdapat keterangan SP9 bahawa masa kejadian perayu ada tiga orang anak dan pada masa kejadian isteri perayu sedang mengandung anak yang keempat! Jadi kejantanan dan keupayaan perayu untuk melakukan persetubuhan telah terbukti beyond reasonable doubt.

[34] Peguam bagi pihak perayu juga berhujah bahawa SP8 menyatakan bahawa kejadian rogol berlaku di rumah perayu di Jalan Taha, sedangkan saksi-saksi pendakwa yang lain menyatakan bahawa kejadian tersebut berlaku di rumah perayu di Jalan Datok. Peguam berhujah bahawa tiada keterangan diberikan oleh pihak pendakwa untuk mengesahkan bahawa Jalan Taha dan Jalan Datok adalah merujuk kepada tempat yang sama atau sebaliknya. Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa tidak timbul sebarang kekeliruan dalam hal ini, kerana menurutnya adalah jelas bahawa apa yang dimaksudkan rumah perayu di Jalan Taha oleh SP8 adalah merujuk kepada rumah perayu di 659, Jalan Datok seperti dalam tuduhan. Saya menerima hujah Timbalan Pendakwa Raya itu. Dalam keterangannya SP7 menyatakan bahawa pada 18

November 1996, beliau bersama jurufoto L/Kpl Mansor (SP6), SP8 dan ibu SP8 telah pergi ke tempat kejadian, iaitu di rumah 659, Jalan Datok, Cukai, Kemaman. Menurut SP7, di rumah itu, SP8 telah menunjukkan tempat kejadian berlaku, iaitu dalam bilik di atas satu tilam bujang. SP7 telah mengarahkan SP6 mengambil gambar (P6A-C). Dalam keterangannya, SP6 mengesahkan bahawa pada 18 November 1996 atas arahan SP7 dia telah mengambil tiga keping gambar (P6A-C) di rumah No. 659, Jalan Datok, Cukai, Kemaman. Di dalam keterangannya, selepas menerangkan bagaimana kejadian rogol kedua berlaku (kejadian rogol di rumah orang kena tuduh) SP8 telah mengecam gambar P6A-C itu. SP8 mengatakan: "Ini gambar rumah orang kena tuduh, di sini berlaku kejadian kedua. Gambar B dan C adalah gambar tilam rumah orang kena tuduh di mana kejadian kedua berlaku." Dengan keterangan itu adalah jelas bahawa kejadian rogol yang berlaku di rumah seperti dalam pertuduhan, berlaku di rumah perayu di 659, Jalan Datok, Cukai, Kemaman.

[35] Peguam juga mempersoalkan pertuduhan yang menurutnya tidak dinyatakan tarikh spesifik bila kejadian itu berlaku. Peguam berhujah bahawa ini amat memprejudiskan perayu. Seksyen 153 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bahawa pertuduhan hendaklah mengandungi butir-butir tentang tarikh dan tempat kesalahan didakwa telah dilakukan, yang semunasabahnya mencukupi untuk memberikan notis kepada orang dituduh tentang kesalahan yang didakwa telah dilakukan olehnya. Sekyen 153(i) Kanun Acara Jenayah tersebut memperuntukkan:

> The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom the thing, if any, in respect of which it was committed as a reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

[36] Sehubungan ini, saya menyedari bahawa dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2004] 3 CLJ 737, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa tempoh dalam mana kesalahan dikatakan telah dilakukan adalah satu bahagian yang penting dalam pertuduhan.

Dalam penghakimannya Abdul Hamid Mohamad, Hakim Mahkamah Persekutuan menyatakan di ms 748:

> It must be borne in mind that the duty on the part of the prosecution at the close of the case for the prosecution is to prove beyond reasonable doubt, not only, that the offence was committed one night at Tivoli Villa, but also that that "one night"

was in the month of January until and including the month of March 1993. Even if it is proved that the incident did happen but if it is not proven "when", in law, that is not sufficient. This is because the period during which the offence is alleged to have been committed is an essential part of the charge. It becomes even more important when the defence, as in this case, is that of alibi. The appellants must know when (usually it means the day or date, but in this case the period from and including the month of January until and including the month of March 1993) they are alleged to have committed the offence to enable them to put up the defence of alibi.

[37] Di dalam rayuan di hadapan saya ini, perayu dituduh melakukan rogol di antara November 1995 jam 2 petang hingga 11 November 1996 jam 6 petang. Dalam keterangannya dalam pemeriksaan utama, SP8 tidak ingat dengan tepat tarikh sebenar kejadian rogol dalam pertuduhan yang telah dipinda dan juga dalam pertuduhan tambahan. Walau bagaimana pun adalah jelas bahawa dalam keterangannya SP8 telah merujuk kepada dua kejadian yang disebutnya sebagai kejadian pertama dan kejadian kedua. Ketika disoal balas oleh peguam, SP8 mengakui bahawa dia tidak ingat tarikh sebenar kejadian berlaku. Tetapi dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas juga, SP8 menyatakan bahawa kejadian pertama berlaku pada tahun 1995 dan kejadian kedua berlaku pada bulan November 1996.

[38] Dari keterangan SP8, kejadian pertama adalah kejadian rogol yang berlaku selepas perayu mengambil SP8 dari rumah emaknya dan mengajak SP8 pergi memancing di sungai. Dalam kejadian ini menurut SP8, mula-mula perayu ajak dia berjalan di sungai. Perayu memegang tangan SP8 dan kemudian membaringkan SP8 di atas kain yang dibawa oleh perayu. Bila tarikh sebenarnya kejadian ini berlaku SP8 tidak ingat. Apa yang lebih penting lagi bagi rayuan ini, menurut keterangan SP8, kejadian kedua berlaku di rumah perayu pada jam lebih kurang 2 hingga 3 petang. Kejadian kedua ini telah diterangkan dengan terperinci oleh SP8 dalam keterangannya. Seperti yang telah dinyatakan, menurut keterangan SP8 dalam pemeriksaan balas kejadian kedua ini berlaku dalam bulan November 1996. Keterangan SP8 bahawa kejadian rogol kedua ini berlaku dalam bulan November 1996 disokong oleh keterangan SP4 di mahkamah dan laporan polis yang dibuat oleh SP4 (ms 148 Rekod Rayuan). Dalam keterangannya SP4 menyatakan bahawa pada malam 11 November tahun 1996 beliau

telah diberitahu oleh SP8 bahawa dia (SP8) telah diperkosa oleh abang iparnya (perayu). Keterangan SP4 itu disokong oleh laporan polisnya. Di dalam laporan polis tersebut SP4 menyatakan:

> Pada 11.11.96 jam lebih kurang 8.30 malam saya telah diberitahu oleh adik ipar saya Noorhayati bt. Mamat, umur 10 tahun yang beliau telah dirogol oleh biras saya nama Amran bin Ahmad, umur 29 tahun, Alamat 659 Jalan Datok, Chukai, Kemaman. Kejadian rogol berlaku di No. 659 Jalan Datok, Chukai pada minggu pertama bulan November 1996 tarikh tidak ingat jam lebih kurang 5.00 petang. Sebelum itu telah beberapa kali adik ipar saya dirogol oleh Amran semenjak tahun 1995 lagi.

[39] Inilah kejadian rogol yang menjadi subject matter pertuduhan yang menurut Hakim Mahkamah Sesyen telah berjaya dibuktikan terhadap perayu. Jadi kes ini dari segi faktanya adalah jauh berbeza dengan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP*. Di dalam kes itu Mahkamah Persekutuan mendapati bahawa dalam keterangannya Azizan telah memberikan tiga tarikh berbeza dalam tiga tahun di mana perbuatan meliwat telah dilakukan terhadapnya (lihat ms 754-756 penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes itu). Hal sedemikian tidak berlaku di dalam rayuan di hadapan saya. Di dalam kes ini di dalam keterangannya, selain dari kejadian pertama yang berlaku dalam semak di tepi sungai, SP8 telah memberi keterangan terperinci tentang kejadian rogol kedua yang telah dilakukan terhadapnya oleh perayu. Dalam penghakiman saya, perayu tahu inilah kesalahan yang diliputi oleh pertuduhan terhadapnya yang mana dia telah didapati bersalah dan disabitkan. Peguamnya telah menyoal balas SP8 tentang kejadian itu dan perayu sendiri pun telah memberikan keterangan terhadap kejadian dan pertuduhan itu. Apabila pihak pendakwa meminda pertuduhan asal terhadap perayu dengan meminda tarikh kesalahan dikatakan telah dilakukan, sebelum menutup kesnya, peguam bagi pihak perayu telah memohon dan telah dibenarkan untuk memanggil semula SP8 dan menyambung pemeriksaan balas terhadap SP8 (ms 81-82 Rekod Rayuan). Dalam pengamatan saya, perayu telah tidak dikelirukan. Saya juga berpuashati bahawa dalam keadaan kes ini tidak ada berlaku kegagalan keadilan. Jadi kegagalan pihak pendakwa menyatakan dengan tepat tarikh kejadian rogol kedua itu tidaklah membawa padah kepada kes pihak pendakwa. Kegagalan tesebut termasuk dalam kesilapan yang boleh diubati di bawah s. 156 dan 422 Kanun Acara Jenayah.

[40] Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan itu saya berpuashati bahawa hakim bicara kedua telah tidak tersilap apabila beliau memanggil perayu untuk membela dirinya.

[41] Di dalam keterangan secara bersumpah, perayu telah menafikan pernah melakukan persetubuhan dengan SP8. Dalam keterangannya juga perayu mendakwa bahawa SP8 pernah memberitahunya bahawa seorang pemuda Indonesia bernama Asrol pernah mengorek kemaluannya dengan jari.

[42] Selain dari itu dalam keterangannya, perayu juga mendakwa bahawa dia berkahwin dengan isterinya (SD2) kerana dia kasihan dengan isterinya kerana isterinya itu telah mengandung dua bulan. Perayu mendakwa bahawa selepas kahwin, mertuanya telah memintanya menceraikan isterinya dan ini dilakukan melalui jiran sebelah rumah bernama Mak Su Jarah. Perayu juga mendakwa dia pernah menampar kakak iparnya Gayah kerana melakukan perbuatan sumbang dengan lelaki. Selain itu perayu juga mendakwa bahawa dia pernah terserempak dengan emak mertuanya ketika emak mertuanya itu sedang melakukan perbuatan sumbang dengan seorang lelaki Indonesia bernama Hassan. Menurut perayu apabila dia tanya emak mertuanya "mak buat apa?", emak mertuanya menjawab apa dia peduli (Apa mu cara). Perayu menyatakan bahawa dia ada menceritakan kepada bapa mertuanya tentang perbuatan sumbang emak mertuanya itu, tetapi bapa mertuanya buat tidak tahu. Perayu menambah bahawa perkara tentang SP8 dan Asrol dia telah tidak menceritakan kepada bapa mertuanya kerana menurutnya, bapa mertuanya itu macam orang bodoh. Menurut perayu bapa mertuanya diperbodohkan oleh emak mertuanya. Perayu juga mendakwa bahawa bapa mertuanya selalu ditengking dan dimarah oleh ibu mertuanya, tetapi bapa mertuanya itu tidak menjawab. Perayu tidak menyatakan dengan jelas dalam keterangannya tentang apakah relevannya dakwaannya dia menampar Gayah, emak mertuanya berkelakuan sumbang dan bapa mertua diperbodohkan oleh ibu mertuanya kepada pembelaannya. Tetapi isteri perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa perayu ada pernah berkelahi dengan ahli keluarganya. Menurut isterinya:

> Saya pun berkelahi dengan kakak, tiba-tiba kakak tuduh suami saya Amran buat pada adik saya. Saya tidak tahu sebab apa suami saya dituduh tetapi dia tuduh semasa perkelahian.

[43] Dalam hujahnya (ms 112 Rekod Rayuan) perayu menyatakan bahawa "perkelahian antara keluarga adalah sebab tindakan ini dibuat."

[44] Jadi, perayu menyatakan bahawa dia telah dianiayai oleh keluarga SP8 akibat dari perkelahiannya dengan ahli keluarga SP8. Setelah mendengar dan menimbang keterangan perayu dan isterinya, hakim bicara kedua memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah (reasonable doubt) ke atas kes pihak pendakwa. Di dalam penghakimannya, hakim bicara kedua mendapati keterangan perayu dan isterinya bercanggah tentang fakta yang material. Menurut hakim bicara kedua:

> Menurut Tertuduh semasa beliau berada di rumah mertua beliau Mangsa sendiri telah sendiri memberitahu beliau yang beliau telah diperkosa oleh Tertuduh. Sebaik sahaja diberitahu, tertuduh telah terus pergi mencari Asrol tetapi tidak berjumpa.
>
> Sebaliknya, SD2 pula memberitahu Mahkamah bahawa semasa berada di rumah emak beliau (mertua Tertuduh) beliau sendiri telah diberitahu oleh Mangsa tentang perbuatan Asrol memegang dan menjolok-jolok kemaluan beliau dan semasa itu Tertuduh tiada bersama. Menurut SD2 lagi setelah diberitahu perkara tersebut oleh Mangsa, semasa di rumah mereka beliau telah memberitahu Tertuduh dan 2-3 hari selepas itu Tertuduh telah pergi mencari Asrol.
>
> Jika apa yang dinyatakan oleh Tertuduh adalah benar iaitu setelah diberitahu oleh Mangsa tentang perbuatan Asrol, beliau telah terus pergi mencari Asrol, maka jelas ia menunjukkan bahawa perbuatan Asrol tersebut adalah serius pada Tertuduh. Apa yang pelik di sini ialah, setelah gagal menemui Asrol Tertuduh tidak lansung merasakan perlu untuk memberitahu kepada pihak polis atau membuat laporan polis tentang perbuatan Asrol tersebut walaupun perkara tersebut telah diberitahu oleh Mangsa kepada beliau sendiri!
>
> Saya mendapati percanggahan di antara keterangan Tertuduh dan SD2 di atas adalah ketara dan material.

[45] Setelah meneliti keseluruhan keterangan perayu dan isterinya, saya tidak dapat mempersalahkan hakim bicara kedua apabila beliau membuat kesimpulan sedemikian. Dalam penghakiman saya, jika benar bahawa SP8 telah memberitahunya berkenaan Asrol telah mengorek kemaluannya (SP8) dengan tangan, maka sudah tentu

hal ini telah diberitahu oleh perayu kepada pihak polis pada masa dia ditangkap atau selepas itu. Menurut perayu dalam pemeriksaan balas:

> Di balai saya beritahu saya tidak pernah buat, kalau saya buat saya bertanggungjawab.
>
> Q: Kenapa tidak beritahu polis Asrol yang buat ke atas Yati?
>
> A: Saya terkejut dan keadaan badan seperti seorang kurang siuman. Saya ditahan 7 hari dan saya tidak beritahu polis yang Asrol mengorek kemaluan Yati dengan tangan.

[46] Tidak ada sebab kenapa perayu boleh jadi terkejut dan berkeadaan seperti orang tidak siuman. Jika dia dalam keadaan sedemikian, dia tentu tidak dapat memberitahu polis bahawa "saya tidak pernah buat, kalau saya buat saya bertanggungjawab". Jika benar SP8 telah memberitahunya bahawa Asrol yang buat, maka perkara sepenting itu tentu tidak akan lepas dari ingatannya.

[47] Seperti yang telah saya nyatakan, selain dari mengemukakan pembelaan penafian (denial) terhadap pertuduhan terhadapnya, dalam keterangannya dan isterinya, perayu juga menimbulkan pembelaan bahawa dia dianiayai oleh keluarga SP8 akibat dari pergaduhannya dengan ahli keluarga SP8. Untuk mewarnai pembelaan ini perayu telah memberikan keterangan memburuk-burukkan ibu mertuanya, bapa mertuanya dan juga Gayah. Saya dapati soal penganiayaan ini tidak pernah ditimbulkan dan soalan-soalan spesifik mengenainya tidak pernah ditimbulkan oleh pihak pembelaan apabila SP8, SP4, SP9 dan pegawai penyiasat (SP7) kes ini memberi keterangan. Jika dakwaan mengenai penganiayaan itu benar, dan yang akhirnya mengakibatkan dia didakwa di dalam kes ini, maka sudah tentu ianya akan sentiasa ada dalam ingatan perayu dan tidak ada sebab kenapa perkara sepenting itu tidak ditimbulkan dan soalan-soalan mengenainya tidak diajukan kepada SP8, SP4, SP9 dan SP7 ketika mereka disoal balas. Isu penganiayaan ini timbul buat kali pertamanya dalam kes pembelaan. Dalam penghakiman saya dakwaan mengenai penganiayaan itu lebih merupakan satu perkara yang difikirkan kemudian (afterthought) dan setelah menimbangkannya saya memutuskan bahawa ia tidak menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes ini.

[48] Setelah menimbangkan kesemua keterangan dalam kes ini dan setelah menimbangkan hujah peguam bagi pihak perayu dan hujah Timbalan Pendakwa Raya, saya berpuashati bahawa hakim bicara kedua telah tidak membuat kesilapan undang-undang atau fakta di dalam memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan beyond reasonable doubt kesnya terhadap perayu dan mendapatinya bersalah atas kesalahan rogol seperti dalam pertuduhan pindaan.

Hukuman

Hujah Tambahan Pendakwa Raya Memohon Hukuman Maksima

[49] Dalam hujah bertulisnya menyokong rayuannya supaya hukuman maksima dikenakan, Timbalan Pendakwa Raya menyatakan:

> Pihak Perayu berhujah bahawa Pihak Menentang telah melakukan jenayah rogol yang amat serius kepada seorang mangsa yang baru berusia 9 tahun. Apatah lagi kanak-kanak kecil ini merupakan adik ipar beliau iaitu adik kandung kepada isteri Pihak Menentang sendiri. Perbuatan rogol tersebut bukannya berlaku hanya sekali malah banyak kali sepertimana yang diberitahu oleh mangsa di dalam keterangan perbicaraan (Baris kedua belas muka surat 65 Rekod Rayuan).
>
> Seorang kanak-kanak kecil yang sepatutnya dilindungi oleh Pihak Menentang telah musnah kehidupan dan masa hadapan beliau akibat perbuatan Pihak Menentang.
>
> Pihak Perayu berhujah hukuman penjara 15 tahun dan 4 kali sebatan adalah tidak mencukupi memandangkan kepada keadan kes yang begitu serius ini.
>
> Di samping itu juga Pihak Menentang telah didapati salah selepas suatu perbicaraan penuh. Mangsa telah terpaksa melalui tempoh perbicaraan yang panjang dan memalukan. Berhubung isu ini, Pihak Perayu merujuk kepada keputusan kes *Public Prosecutor lwn. Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414. Kes berkenaan adalah juga berhubung kesalahan rogol.
>
> Di muka surat 416 perenggan kedua, Hakim Shaik Daud telah menyatakan "To my mind the need to deter others in the public interest must supercede other considerations. As it is well known rape cases are very difficult to prove, and rape victims especially young victims, go through traumatic experience at the time of the offence and later, and also at the trial more often than not they become the accused rather than the accuser. In view of this, to

my mind, once such offence is proved the Courts must and should take very serious view and imposed appropriate deterrent sentences.

Oleh itu, Pihak Perayu berhujah hukuman yang lebih berat patut dikenakan kepada Pihak Menentang.

Hukuman Gagal Mengambilkira Kepentingan Awam.

Pihak Perayu berhujah hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu telah gagal mengambilkira kepentingan awam.

Hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan merogol mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah boleh mencapai sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Hukuman sebatan yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Sesyen boleh mencapai 24 kali sebatan mengikut bidang kuasa Seksyen 64 Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Seksyen 288(1) Kanun Prosedur Jenayah.

Pihak Perayu merujuk kepada keputusan kes *Public Prosecutor lwn. Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186. Di muka surat 187 perenggan keempat Hakim Abdoolcader telah memutuskan "In sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prima considerations, ... the public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance."

Oleh itu Pihak Perayu berhujah hukuman penjara dan sebatan yang lebih berat patut dikenakan ke atas Pihak Menentang.

Hukuman Yang Dijatuhkan Gagal Mengambilkira Faktor Keseringan Kesalahan Rogol Berlaku.

Pihak Perayu memohon Yang Arif Datuk menerima sebagai suatu pengiktirafan kehakiman (Judicial notice) bahawa jenayah rogol seringkali berlaku di dalam masyarakat. Ini boleh dilihat dan dibaca di dalam media tempatan.

Di dalam kes *Lee Chow Meng lwn. Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 287, Hakim Abdul Hamid telah memutuskan bahawa Mahkamah boleh memberikan pengiktirafan kehakiman untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat kerana faktor keseringan jenayah yang berlaku.

Pihak Perayu berhujah hukuman yang lebih berat boleh membantu membendung jenayah rogol daripada meningkat jumlahnya kerana ia boleh menjadi pengajaran kepada umum.

Rogol merupakan suatu jenayah yang berat dan ia tidak boleh dibiarkan berlaku dengan lebih berleluasa.

Kesimpulan

Berdasarkan hujah-hujah dari pihak kami, Pihak Perayu berhujah hukuman penjara yang maksimum wajar dijatuhkan ke atas Pihak Menentang di dalam kes ini. Sehubungan dengan itu, Pihak Perayu memohon keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu diketepikan dan digantikan dengan hukuman yang sesuai.

Hujah Peguam Bagi Pihak Perayu Memohon Hukuman Ringan

[50] Di dalam hujah bertulisnya memohon hukuman ringan, peguam bagi pihak perayu menyatakan bahawa:

Latarbelakang Perayu/Responden

Perayu/Responden berumur 29 tahun semasa kejadian sebagaimana dalam pertuduhan ini berlaku. Sekarang beliau berumur 37 tahun. Perayu/Responden telah berkahwin dan mempunyai 5 orang anak berumur antara 4 hingga 12 tahun.

Sebelum menjalani hukuman dalam kes ini, Perayu/Responden bekerja sebagai seorang Buruh. Beliau juga mempunyai tanggungjawab menyara kehidupan isteri dan kesemua anak-anak beliau memandangkan isteri beliau tidak dan hanya bergantung harap kepada beliau sahaja bagi perbelanjaan dan keperluan seharian.

Oleh yang demikian, dengan menjatuhkan suatu hukuman yang berat dan bagi tempoh yang panjang kepada Perayu/Responden sudah tentu akan menyebabkan isteri dan anak-anak Perayu/Responden terabai dan hilang tempat bergantung dan Perayu/Responden pula tidak dapat meneruskan peranan beliau dalam menyara kehidupan isteri dan anak-anak beliau yang beliau lakukan sebelum ini.

Kesalahan Pertama

Ini adalah kesalahan pertama yang pernah dilakukan oleh Perayu/Responden dan beliau tidak pernah mempunyai apa-apa rekod jenayah sebelum ini. Faktor ini perlu diambil kira oleh Mahkamah sebelum hukuman dijatuhkan ke atas Perayu/Responden dan suatu hukuman yang lebih ringan sepatutnya dijatuhkan ke atas

Perayu/Responden, bukanlah hukuman berat sebagaimana yang telah dijatuhkan ke atas beliau oleh Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu.

Hukuman yang diperuntukkan oleh Seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah penjara tidak kurang daripada lima (5) tahun dan tidak lebih daripada dua puluh (20) tahun dan boleh dikenakan sebatan. Perayu/Responden ingin menyatakan bahawa hukuman penjara selama 15 tahun dari tarikh hukuman pada 29/7/2002 dan empat (4) kali sebatan yang dijatuhkan ke atas Perayu/Responden oleh Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu adalah terlalu berat dan keterlaluan 'excessive' memandangkan ini adalah kesalahan pertama Perayu/Responden dan beliau belum pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah sebelum ini.

Perayu/Responden Telah Sedar Dan Insaf Di Atas Kesalahan Yang Dilakukan

Perayu/Responden telah benar-benar insaf dan sedar di atas kesalahan dan keterlanjuran yang beliau lakukan serta mengakujanji untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama atau mana-mana kesalahan jenayah pada masa akan datang. Hukuman penjara yang beliau telah jalani sejak 20/7/2002 telah benar-benar menginsafkan beliau. Perayu/Responden merayu agar rayuan peringanan hukuman ke atas beliau dibenarkan dan beliau memohon agar suatu peluang terakhir diberikan kepada beliau bagi menjadi seorang suami, bapa dan warganegara yang baik, berguna dan bertanggungjawab.

Berdasarkan rayuan mitigasi yang dikemukakan, Perayu/Responden memohon agar hukuman penjara selama lima belas (15) tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan pada 29/7/2002 dan empat (4) ke atas beliau dibenarkan dan diringankan oleh Yang Arif Hakim.

Oleh yang demikian, Perayu/Responden dengan rendah diri memohon agar sabitan beliau bagi pertuduhan dalam kes ini diketepikan dan sebagai alternatifnya sekiranya rayuan beliau terhadap sabitan ditolak beliau merayu agar hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya dipinda dan diringankan oleh Yang Arif Hakim, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Terengganu.

Penghakiman Mahkamah Sesyen

[51] Di dalam penghakimannya hakim bicara menyatakan:

Kesalahan Pertama

Berhubung faktor kesalahan pertama Tertuduh, juga dalam kes *PP v. Leo Say & 2 Ors* [1985] 2 CLJ 155, Yang Arif Hakim NH Chan telah memutuskan bahawa:

> ... the fact that a man has not much of a criminal record or none at all, is not a powerful factor to be taken into consideration in a case of such gravity.

Kesalahan pertama di sini juga bukanlah suatu faktor yang harus diberi keutamaan, berbanding 'gravity' kesalahan. Dalam kes kita ini, Tertuduh telah merogol adik ipar beliau sendiri, yang pada masa kejadian masih lagi terlalu mentah, baik dari segi usia maupun kematangan fikiran.

Oleh itu, dalam kes ini, walaupun Tertuduh adalah pesalah pertama, ianya bukanlah suatu faktor yang patut diberi keutamaan, berbanding dengan faktor lain, seperti jenis dan akibat kesalahan serta kepentingan awam.

Kepentingan awam

Faktor kepentingan awam adalah merupakan antara faktor terpenting dalam penghukuman. YA Hashim Yeop A. Sani J, dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 menyatakan bahawa:

> One of the main considerations in the assessment of sentences is of course the question of public interest.

Masyarakat kita amat memandang serius terhadap kesalahan serangan seksual, lebih-lebih lagi apabila kesalahan melibatkan mangsa yang masih muda. lanya menjadi lebih serius di mana perbuatan tersebut dilakukan oleh ahli keluarga ke atas ahli keluarga sendiri seperti mana dalam kes kita ini.

Kesalahan rogol, lebih-lebih lagi "sumbang muhrim" yang melibatkan mangsa yang masih muda usianya seperti yang dilakukan oleh Tertuduh di sini tidak pernah dipandang ringan oleh mana-mana Mahkamah. Ini jelas dicerminkan melalui hukuman-hukuman "tinggi" yang dijatuhkan bagi jenis kesalahan yang serupa.

Oleh itu, dalam kes kita di sini, kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh adalah suatu kesalahan yang amat serius, jijik dan tidak berperikemanusiaan, yang telah dilakukan oleh Tertuduh terhadap Mangsa, adik ipar beliau sendiri yang masih terlalu muda usianya.

Beliau yang sepatutnya menjaga dan membimbing Mangsa, sebaliknya menjadi perosak masa hadapan Mangsa, semata-mata kerana nafsu serakah beliau.

Masa depan Mangsa nyata malang dan gelap, stigma sebagai seorang gadis yang tidak lagi suci akan terus melekat pada diri Mangsa buat selama-lamanya sekiranya orang mengetahui tentang kejadian yang menimpa mangsa.

Jenis Kesalahan

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan hukuman yang diperuntukkan jelas mencerminkan pandangan serius Parlimen terhadap jenis kesalahan tersebut.

Daripada peruntukan hukuman yang ditetapkan di atas, adalah jelas Parlimen memandang serius kesalahan yang serangan seksual. Mahkamah tidak akan melaksanakan tugas dan peranan sebagai "the fountain of justice" sekiranya menjatuhkan hukuman yang tidak selaras dengan kehendak awam/umum.

Berhubung hukuman bagi kesalahan merogol YA Shaikh Daud J dalam kes *PP v. Yap Huat Seng* [1985] 2 MLJ 414 di ms 416, memutuskan bahawa:

> ... To my mind the need to deter others in the public interest must supersede other considerations. As is well known rape cases are very difficult to prove, and rape victim especially young victims, go through traumatic experience at the time of the offence an later, and also at the trial more often than not they become the accused rather than the accuser. In view of this, to my mind, once such offence is proved the courts must and should take very serious view and imposed appropriate deterrent sentences. The public would lose confidence in the courts if lenient sentences are meted out for such offences.

Juga dalam kes *Lim Teng Seng v. PP* [1985] 5 CLJ 400 YA Ian Chin J di ms 424 menyatakan bahawa:

> ... it is so easy for this sort of offence to be committed and because it is almost impossible for any child to defend herself against rape that a deterrent sentence is called for in order that such offence should be stopped. Any lesser sentence may not serve the pupose ...

Setelah menimbangkan fakta kes ini secara keseluruhan, serta mengambilkira hujahan Tertuduh dan Pihak Pendakwaan semasa rayuan (mitigation) saya menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh hukuman 4 sebatan rotan ke atas Tertuduh, yang mana pada pendapat saya adalah wajar dalam keadaan kes ini.

Keputusan Mahkamah Tentang Hukuman

[52] Seperti yang telah saya nyatakan, dalam hujah bertulisnya Timbalan Pendakwa Raya memohon supaya hukuman yang maksima dikenakan. Saya sedar bahawa hukuman yang maksima patut dikenakan bagi kesalahan yang paling buruk dalam kategori

kesalahan berkenaan. Sehubungan dengan hukuman maksima yang ditetapkan oleh undang-undang, dalam kes *Loh Hock Seng & Anor v. PP* [1990] 2 MLJ 121, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> In our view, the prescribing of a maximum penalty in respect of an offence not only marks the limits of the court's discretionary power as to sentence, it also ordinarily prescribes what the penalty should be in the more serious type of cases falling within the relevant class of offence meriting the maximum punishment prescribed.

[53] Dalam pengamatan saya, prinsip yang terurai dari penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Loh Hock Seng* ialah – tidak ada sebab kenapa hukuman maksima yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi suatu kesalahan itu tidak patut dijatuhkan jika fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes ini menuntut hukuman maksima dijatuhkan.

[54] Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah tidak memberikan apa-apa penjelasan tentang perbuatan bagaimana yang boleh dikatakan sebagai kesalahan yang paling buruk bagi sesuatu jenis kesalahan itu. Seksyen 376 Kanun Keseksaan hanya menetapkan hukuman penjara minima (lima tahun) dan hukuman maksima (20 tahun). Pada hemat saya soal sama ada sesuatu perbuatan rogol itu adalah boleh dikatakan sebagai kesalahan yang paling buruk yang boleh dihukum di bawah s. 376 Kanun Keseksaan bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Gravity kesalahan dalam kes ini amat jelas. Dalam penghakimannya hakim bicara kedua berpandangan bahawa kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu adalah amat serius, jijik dan tidak berperikemanusiaan. Ini tidak boleh dinafikan. Perayu telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai abang ipar SP8, dan telah mengambil kesempatan tanpa belas kasihan dan segan silu, memaksa dirinya ke atas SP8, merogolnya lantas meranapkan mahkota wanita SP8 yang pada masa yang material merupakan seorang kanak-kanak kecil. Kesalahan rogol itu sendiri memanglah satu kesalahan yang sangat berat. Kesalahan itu menjadi lebih berat dan buruk lagi kerana ianya dilakukan oleh perayu, yang bukanlah seorang yang belum berkahwin dan tidak pernah merasakan kenikmatan hubungan suami isteri. Pada masa yang material perayu masih mempunyai isteri (kakak SP8) dan mempunyai tiga orang anak. Pada hemat saya kesalahan rogol yang dilakukan oleh perayu dalam keadaan kes ini adalah satu contoh kesalahan rogol yang paling buruk yang boleh dihukum di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. Selain itu dalam pandangan saya,

Mahkamah juga hendaklah mengambil judicial notice tentang kekerapan berlakunya kesalahan rogol dan sumbang mahram di kalangan masyarakat kita di dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini. Oleh yang demikian setelah memberikan pertimbangan yang saksama dalam kes ini, dalam penghakiman saya kepentingan awam dan masyarakat menuntut supaya hukuman yang memperlihatkan kutukan masyarakat terhadap kesalahan ini dijatuhkan, supaya ianya menjadi amaran bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan seperti dalam kes ini akan menerima padahnya – hukuman yang paling berat menanti mereka. Untuk mencapai maksud tersebut, saya membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan menggantikan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh hukuman dengan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh sabitan. Hukuman empat kali sebat dikekalkan.